

BULLETIN

Jabatan Laut Malaysia

JUN 2021
EDISI 06



25th Jun 2021

"FAIR FUTURE FOR SEAFARERS"



"Seafarers: at
the core of
shipping's
future"

PERTANDINGAN KLIP VIDEO PENDEK
PELAUT MALAYSIA
Sempena Hari Pelaut 2021

#DOTS2021

#FairFuture4Seafarers



@lautmy



Jabatan Laut
Malaysia



jabatanlaut



Bersama
Hentikan
Wabak
Covid-19

Isi kandungan

03 info menarik

Hari Pelaut 2021

Hari-hari pelaut

07 Covid 19

Vaksinasi IPL

CAKNA JLM

08 KUNJUNGAN HORMAT & LAWATAN

09 PROGRAM & BENGKEL

12 PENGUATKUASAAN DAN OPERASI

14 MEDIA

PELAKSANAAN
PENGOPERASIAN
PERKHIDMATAN KAUNTER
BAGI PEJABAT KERAJAAN
DALAM FASA PERTAMA
PELAN PEMULIHAN
NEGARA

PELAKSANAAN PROGRAM
VAKSINASI SEKTOR
EKONOMI (MARITIM)

PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN
DIPERKETATKAN (PKPD) 28
MUKIM KOTA SETAR,
KEDAH DITAMATKAN JAM
11.59 MALAM 15 JUN 2021
(SELASA) - TERMINAL FERI
PENUMPANG KUALA
KEDAH DIBUKA SEMULA
PEMAKLUMAN MENGENAI
OPERASI PEJABAT -
PEJABAT PELABUHAN DI
NEGERI MELAKA

OPERASI PERKHIDMATAN
JABATAN LAUT MALAYSIA
SELARAS DENGAN
PELAKSANAAN PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN
3.0 (1 JUN SEHINGGA 14
JUN 2021)

JABATAN LAUT MALAYSIA -
PENUTUPAN TERMINAL
FERI PENUMPANG KUALA
KEDAH DILANJUTKAN KE
15 JUN 2021
DISEBABKAN PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN
DIPERKETATKAN (PKPD)

16 SuDut KreaTif

Nasihat Abah

17 Baca/Read

Kenapa Manusia Sering
Risau Berkaitan Soal
Rezeki?

19 Dapur JLM

**Resepi BELANGKAS
MASAK LEMAK CILI
PADI**

Ketua Editor

Muhammad
Shuhaimi Bin
Abd Rahman

Penasihat

YBhg Dato' Haji
Baharin Bin
Dato' Abdul Hamid



Norhayati
Binti
Ibrahim



Egbert
Adolf
Naintin



Reeta
Francis



Sharifah
Taherah Binti
Shabbir
Ahmad




Muhammad
Zulhafeez
Bin Shaidin



Asrul Hafandi
Bin Awang
Haji



Siti
Norparlila
Binti
Sidek



#DOTS2021



Sejak 2011, Malaysia sentiasa menyahut seruan pihak IMO bagi meraikan Hari Pelaut pada 25 haribulan Jun, setiap tahun. Tahun 2021 genaplah sambutan Hari Pelaut untuk kali yang ke-11. Pada tahun ini juga, ia merupakan sambutan kedua kita dalam suasana norma baharu kerana wabak yang masih menular di kalangan rakyat Malaysia, dan setelah mengambil kira pematuhan kepada perintah kawalan pergerakan oleh Kerajaan.

Sambutan Hari Pelaut 25 Jun 2021



Tahukan anda!

— info Menarik —



“FAIR FUTURE FOR SEAFARERS”, ialah kempen Hari Pelaut tahun 2021 yang telah ditetapkan oleh pihak IMO. Penegasan yang ingin IMO bawakan kepada semua negara anggota, bahawa seorang pelaut harus dipelihara hak mereka secara adil dalam semua aspek. Mereka juga merupakan barisan hadapan yang sama-sama berjuang demi kelangsungan ekonomi dan perdagangan negara, walaupun semasa tempoh pandemik ini.

Penekanan kempen Hari Pelaut kali ini ketika tempoh pandemik, merupakan gesaan pihak IMO bahawa hak-hak seorang pelaut tidak boleh diabaikan sama sekali oleh mana-mana negara anggota. Sistem perdagangan global bergantung penuh kepada khidmat yang diberikan oleh pelaut di atas kapal.

Pemberian Vaksin kepada Pelaut Sempena Hari Pelaut 2021 di PPV Dewan Kelab Sukan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Pelabuhan Klang, Selangor.



#DOTS2021

— info Menarik —



YB Menteri Pengangkutan Malaysia (MOT), Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong hadir bersama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YB Tuan Khairy Jamaluddin, hadir ke program pertama pemberian vaksin sektor pengangkutan suntikan Dos Pertama Sempena Hari Pelaut 2021

Suasana di PPV Dewan Kelab Sukan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Pelabuhan Klang, Selangor Sempena Program Pertama Pemberian Vaksin Sektor Pengangkutan Suntikan Dos Pertama Sempena Hari Pelaut 2021



Pelaut sedang menunggu giliran bagi suntikan Dos Pertama Sempena Hari Pelaut 2021



Pelaut-pelaut yang telah menerima suntikan Dos Pertama Sempena Hari Pelaut 2021 di PPV Dewan Kelab Sukan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Pelabuhan Klang, Selangor.



#DOTS2021

Pertandingan Video Pendek Sempena Hari Pelaut 2021

Pemenang Pertama Klip Video DOTs 2021
PEMENANG PERTANDINGAN KLIP VIDEO PENDEK
PELAUT MALAYSIA SEMPENA HARI PELAUT...



Pemenang Pertama : Nik Lutfi bin Mohd Zawawi

**Program
Menarik
Sempena
Sambutan
Hari Pelaut
25 Jun 2021**



Tahukan anda!


info Menarik

Pemenang Kedua Klip Video DOTs 2021
PEMENANG KEDUA PERTANDINGAN KLIP VIDEO
PENDEK PELAUT MALAYSIA SEMPENA HARI...



Pemenang Kedua : Thiban A/L Sandrasegaran

Pemenang Ketiga Klip Video DOTs 2021
PEMENANG KETIGA PERTANDINGAN KLIP VIDEO
PENDEK PELAUT MALAYSIA SEMPENA HARI...



Pemenang Ketiga : Megalan Prasad A/L Haridass

Pertandingan sukan elektronik, atau e-sports sempena Hari Pelaut 2021



Hari-hari pelaut

Kadang-kadang ombaknya garang dan menepis bingit
atau selalunya terpercik memuncak ke kaki langit
entahkan air itu membawa teduh
bahkan selalunya air itu mengiringi guruh.

Kau tak akan pernah tahu
perasaan memijak lantai bergendut perahu
apabila kau menyalahkan denai merosakkan sepatu
pelaut tidak pernah memarahi badai yang lalu
Kerana apabila pelaut mula baring di hujung situ
Kebiasaannya dia akan bangkit di hujung lagi satu.

Kau mahu daging kegemaranmu di atas meja
tanpa mempedulikan pelaut yang nyah henti bekerja
Kau mahu busanamu dikirim dari Eropah
tanpa mempedulikan pelaut mengiringinya tergopoh-gapah
Kau mahu keretamu dipandu tidak terpejam
tanpa mempedulikan pelaut yang tidak tahu apakah waktu itu sudah siang
atau masih malam
Kau mahu pemandu peribadimu masanya tepat tiba di halaman
tanpa mempedulikan pelaut yang hari-hari menunggu tanpa kesudahan.

Maka wajarkah kau
Pura-pura lupa dan tidak berterima kasih
kepada pelaut yang menahan perih.

Maka wajarkah kau
Pura-pura lupa dan tidak mengerti
bahawa kerjaya seorang pelaut tidak seperti kerjamu
yang hanya menggoyang kaki
membelek telefon memuji dan memaki-maki
kemudian menunggu gaji.

Kerdil bukan dibedil
Adil jangan dikutil
Dua puluh dua puluh satu
hak mereka surut bertaut
berhak mereka turut menuntut.

Selamat Hari Pelaut.



KEMPEN 10 MINIT MEMBACA
DIKALANGAN PEGAWAI DAN
KAKITANGAN JABATAN LAUT
MALAYSIA

Dialukan-alukan kepada
semua pegawai dan
kakitangan JLM yang
berminat untuk berkongsi
cerpen pendek, nukilan
ringkas dan berkarya untuk
dimasukkan ke dalam
Buletin Jabatan Laut
Malaysia.

— Mohd Nurul Faiz,
25 Jun 2021
Pelabuhan Klang.

VACCINE

Ibu Pejabat Laut

#kitajagakita
#kitajaganegara
#lindungdirilindungsemua



**PROGRAM PEMBERIAN VAKSIN SEKTOR PENGANGKUTAN (MARITIM)
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
SEMPENA HARI PELAUT SEDUNIA**

**25 Jun 2021, PPV Dewan Kelab Sukan
Lembaga Pelabuhan Klang (LPK),
Pelabuhan Klang, Selangor.**

YB Menteri Pengangkutan Malaysia (MOT), Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong hadir bersama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YB Tuan Khairy Jamaluddin, hadir ke program pertama pemberian vaksin sektor pengangkutan bermula dengan program Vaksinasi melalui PPV swasta sektor maritim yang dikendalikan oleh Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) di Dewan Kelab Sukan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Pelabuhan Klang, Selangor.



Program permulaan ini akan melibatkan 10,000 pelaut dan petugas pelabuhan dan kapasiti pengendalian PPV ini adalah 1,000 orang sehari. LPK juga bertindak sebagai penyelia bagi petugas pelabuhan manakala Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPPPL) melalui Jabatan Laut Malaysia (JLM) menyelia bagi pelaut.



Di antara syarikat-syarikat terlibat bagi program hari ini adalah seperti operator pelabuhan iaitu Westports Malaysia Berhad, Northport (Malaysia) Berhad, Port Klang Free Zone (PKFZ) serta syarikat-syarikat perkapalan seperti MISC Berhad.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), YBhg. Datuk Isham bin Ishak bersama-sama Ketua Setiausaha MOSTI, YBhg. Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir, YBhg. Leftenan Jeneral Dato' Mohammad Ab Rahman, Timbalan Panglima Tentera Darat wakil SUB, Ketua Pengarah Jabatan Laut (JLM) dan Pengurus Besar Pelabuhan Kelang (PKA) dan wakil dari operator.

Program & Bengkel



8 Jun 2021, MATRAIN -
Penyertaan hanyalah terhad kepada
kakitangan Jabatan Laut Malaysia (JLM)
sahaja.

A yellow pushpin with a white point, pinned to a blue background.



8 Jun 2021, Ibu Pejabat Laut, Pelabuhan Klang -

Sempena dengan Hari Lautan Sedunia, ayuh kita tingkatkan kesedaran terhadap kepentingan laut dan kepentingan menjaga kebersihan dan kesejahteraan laut kita.

A yellow pushpin is pinned to the top of the page.

8 Jun 2021, Langkawi -

Kolaboratif Jitu Ketua Pejabat Laut Langkawi, Jabatan Laut Malaysia (JLM) Wilayah Utara bersama Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Daerah Langkawi komited mengutamakan suntikan vaksin kepada semua pelaut sesuai dengan tugas mereka memberi perkhidmatan Essential Services kepada Langkawi Bandaraya Pelancongan.



Hari Pelaut Sedunia 2021 yang disambut pada 25 Jun 2021 dengan tema - Fair Future for Seafarers menggesa Kerajaan mengiktiraf pelaut sebagai frontliners dan diberi keutamaan sejak Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dimulakan.



#FairFuture4Seafarers
#LindungDiriLindungSemua
#StaySafeStayHealthy



TOTAL LOCKDOWN DILANJUTKAN - KEBERKESANAN ALAT BANTUAN PELAYARAN HAD PELABUHAN TELUK INTAN, PERAK DINILAI SEMULA

15 Jun 2021, Teluk Intan, Wilayah Utara - Pegawai dan pelaksana Ketua Pejabat Laut Negeri Perak adakan engagement awal bagi menilai permohonan Persatuan Nelayan Kawasan Hilir Perak (PNKHP) bagi keperluan tambahan alat bantuan pelayaran dalam Had Pelabuhan Teluk Intan, Perak



Sistem penyampaian Jabatan Laut Malaysia (JLM) mengenai keselamatan pelayaran merupakan Essential Services yang diteruskan sepanjang tempoh Total Lockdown dilanjutkan.



PKPD DAN TOTAL LOCKDOWN BERSASAR DI W.P LABUAN

24 Jun 2021, Labuan - Perkhidmatan Kapal Jabatan JLMWPL, MV Sabik Menghantar Pulang Pelajar Institut Latihan Perindustrian (ILP) W.P Labuan ke Limbang, Sarawak.

Seramai 12 orang pelajar ILP W.P Labuan yang berasal dari Sarawak telah dihantar pulang ke Limbang untuk kembali ke kampung halaman masing-masing setelah latihan industri mereka ditangguhkan susulan pengumuman total lockdown di seluruh negara. Para pelajar dihantar pulang dengan menggunakan kapal jabatan MV Sabik melalui permohonan dari Majlis Keselamatan Negeri (MKN) W.P Labuan dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) W.P Labuan.

Perjalanan yang mengambil masa 3 jam dan selamat tiba di Limbang pada jam 10.00 pagi disambut oleh Pejabat Residen Limbang serta beberapa agensi lain termasuklah Pejabat Laut Limbang. Pengarah Laut Wilayah Labuan dan Ketua Unit Pengurusan Fleet, Bahagian Operasi Maritim selaku pegawai yang bertugas turut serta dalam pelayaran ini. Kapal jabatan JLMWPL sentiasa bersedia dalam memberikan perkhidmatan sewajarnya selain dari perkhidmatan menyelenggara alat bantuan pelayaran dan ambulans laut dalam apa jua keadaan terutamanya dalam tempoh PKPD dan total lockdown dengan memastikan segala SOP berkaitan dipatuhi.





28 Jun 2021, Labuan -

Bersempena Hari Pelaut yang jatuh pada tanggal 25 Jun, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan (JKWPL) dengan kerjasama Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan (JLWPL) serta Labuan Development Authority (LDA) telah melaksanakan program pemberian vaksin kepada para pelaut disekitar perairan Labuan. Kerjasama yang diberikan oleh ejen dan pemilik syarikat perkapalan telah membantu jabatan ini dalam mendapatkan senarai nama pelaut yang berkesempatan untuk turut serta dalam proses vaksinasi.



PROGRAM PEMBERIAN VAKSIN SEKTOR PENGANGKUTAN (MARITIM)

Mengambil kira faktor mobilisasi dan keselamatan pelaut, Terminal Feri Antarabangsa Labuan (TFAL) telah dijadikan sebagai pusat pemberian vaksin (PPV) bagi program kali ini. Dijangka seramai 500 pelaut akan divaksin bagi fasa pertama bermula 28 Jun sehingga 30 Jun 2021 bagi mencapai herd immunity dalam kalangan pelaut.



PENUBUHAN PUSAT PEMBERIAN VAKSIN MARINA PULAU TIOMAN, JABATAN LAUT MALAYSIA

30 Jun 2021, Pulau Tioman, Wilayah Timur -

Marina Pulau Tioman dijadikan sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bermula 28 Jun 2021 sehingga 4 Julai 2021 bagi memastikan golongan sasaran menerima vaksin seterusnya mencapai hasrat kerajaan dalam membentuk imuniti kelompok.

Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur turut membuat sesi engagement bersama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Rompin bagi melibatkan pelaut tempatan untuk menerima vaksin di lokasi yang sama.

Rentetan itu, Menteri Besar Pahang telah mengadakan lawatan pada 29 Jun 2021 di PPV Marina Tioman dan PPV Kampung Genting bagi memastikan kelancaran program vaksinasi penduduk Pulau Tioman sekaligus mengelakkan penularan Covid-19 di pulau berkenaan.





KERJA-KERJA OPERASI ALAT BANTUAN PELAYARAN DI PERAIRAN WILAYAH TIMUR



8 Jun 2021 hingga 11 Jun 2021, Wilayah Timur -

Selaras dengan JLM ditakrifkan sebagai perkhidmatan perlu (Essential Services), maka perkhidmatan kepada pelanggan/stakeholder JLM adalah diteruskan.

Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur melalui Bahagian Pengurusan Trafik Dan Bantuan Pelayaran, MV Akturus, BOM Timur dan BTV Pedoman telah meneruskan perkhidmatan perlu dengan melaksanakan kerja-kerja operasi Alat Bantuan Pelayaran di perairan Wilayah Timur dan sesi ujian komunikasi di antara Puskow Timur, MV Akturus dan BTV Pedoman.

Pelaksanaan kerja-kerja ini melibatkan pembaikan ke atas tandarah suar di sekitar perairan Setiu dan Besut serta penglibatan bersama BTV Pedoman bagi penempatan baru bagi 2 unit pelampung pandu di muara Sungai Besut. BTV Pedoman juga meneruskan pelayaran ke Pelabuhan Kerteh dan Pelabuhan Kuantan bagi kerja-kerja penyelenggaraan pelampung pandu.



Misi tugas ini telah dilaksanakan oleh tim teknikal BPTBP dan diselia oleh Pegawai Laut BPTBP dengan kemudahan MV Akturus demi memastikan Alat Bantuan Pelayaran berada dalam tahap ketersediaan yang baik. Sepanjang pelayaran dari jeti ke lokasi, ujian komunikasi antara Puskow Timur di Ibu Pejabat Laut Kuala Terengganu dengan MV Akturus turut dilaksanakan bagi memastikan peralatan radio dan tim Puskow Timur sentiasa siap siaga.



OP REDBACK XV - KAWALAN SEMPADAN NEGARA DIPERKUAT HASIL KOLABORATIF JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM)

26 Jun 2021, Langkawi, Wilayah Utara -

Kolaboratif jitu Ketua Pejabat Laut Langkawi merupakan faktor penting kejayaan program kawalan sempadan Negara yang fokus kepada jaringan maklumat komuniti setempat dan pengguna Terminal Feri Penumpang Kuah, Langkawi.




OP REDBACK XV kerjasama Australian Border Force (ABF) - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) kali ini menyasarkan perkongsian maklumat dari pengguna Terminal Feri Penumpang di bawah kawal selia JLM itu bagi membanteras kegiatan jenayah rentas sempadan Negara. Pada 24 Jun 2021, operasi BENTENG (Op BENTENG) yang dijalankan secara serentak berjaya menangkap 25 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) melalui 12 aktiviti penglihatan di perairan Negara.



WORLD MARINE AIDS TO NAVIGATION (WATON) DAY 1 JULAI 2021 - JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) TINGKATKAN PERSIAPAN

25 Jun 2021, Wilayah Utara - Timbalan Pengarah Laut Wilayah Utara (Pengurusan) mengetuai pasukan Wakil Pegawai Penguasa (WPP) JLM Wilayah Utara meninjau prestasi kerja senggaraan tanda arah suar di Pulau Langkawi menjelang WATON Day 2021 pada 1 Julai 2021 akan datang.

Wilayah Utara komited meningkatkan tahap ketersediaan seluruh tanda arah suar di bawah kawal selianya melebihi 98% piawaian antarabangsa IALA - International Association of Marine Aids to Navigation and Lighthouse Authorities.



TOTAL LOCKDOWN DILANJUTKAN - PEMERIKSAAN PORT STATE CONTROL (PSC) DITERUSKAN MENGIKUT FASA 3 MARINE RISK ASSESSMENT (MRA) DI HAD PELABUHAN LUMUT, PERAK



22 Jun 2021, Had Pelabuhan Lumut, Perak - Ketua Pejabat Laut Negeri Perak dan Ketua Bahagian Kawalan Industri Maritim (BKIM) Wilayah Utara mengetuai 2 pasukan PSC Officers (PSCOs) jalankan pemeriksaan ke atas 2 kapal keruk LIAN HANG GONG 521 dan LIAN HANG GONG 526 yang merapat di sebuah jeti persendirian di dalam Had Pelabuhan Lumut, Perak.

Pemeriksaan PSC merupakan permulaan proses kelulusan operasi aktiviti pengerukan pasir mengikut fasa 3 MRA Ibu Pejabat Jabatan Laut Malaysia (JLM).

THE NEWS

01 JUN 2021



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA

**PENUTUPAN TERMINAL FERI PENUMPANG KUALA KEDAH DILANJUTKAN KE 15 JUN 2021
DISEBABKAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

PELABUHAN KLANG – Hasil penilaian risiko Jawatankuasa Teknikal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan atas nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), PKPD di 28 Mukim di Daerah Kota Setar, Kedah dilanjutkan sehingga 15 Jun 2021.

01 JUN 2021



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA

**OPERASI PERKHIDMATAN JABATAN LAUT MALAYSIA SELARAS DENGAN
PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 (1 JUN SEHINGGA 14 JUN 2021)**

PELABUHAN KLANG – Kerajaan telah mengisytiharkan **PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 bermula dari 1 JUN SEHINGGA 14 JUN 2021**. Perintah ini bertujuan untuk mengurangkan perhubungan individu secara bersemuka bagi mengelakkan penularan wabak Pandemik COVID-19.

Selaras dengan pematuhan arahan tersebut, semua kaunter Jabatan Laut Malaysia (JLM) akan

03 JUN 2021



JABATAN LAUT MALAYSIA

PEMAKLUMAN JABATAN LAUT MALAYSIA

**PELAKSANAAN SESI TEMUANJI BAGI OPERASI DI PEJABAT PELABUHAN KUALA LINGGI SEWAKTU
PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0
1 JUN HINGGA 14 JUN 2021**

Adalah dimaklumkan bahawa atas arahan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dan juga garis panduan pengoperasian pejabat kerajaan, Pejabat Pelabuhan Kuala Linggi telah menetapkan urusan kaunter adalah melalui urusan temujanji bagi mengurangkan risiko kebolehhangkitan covid-19.

THE NEWS

14 JUN 2021



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) 28 MUKIM KOTA SETAR, KEDAH DITAMATKAN JAM 11.59 MALAM 15 JUN 2021 (SELASA) - TERMINAL FERI PENUMPANG KUALA KEDAH DIBUKA SEMULA

PELABUHAN KLANG – Hasil penilaian risiko pelbagai Agensi dalam Jawatankuasa Teknikal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan atas nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), PKPD di 28 Mukim Kota Setar, Kedah ditamatkan pada jam 11.59 malam 15 Jun 2021 (Selasa) seperti yang dijadualkan.

UNTUK SIARAN SEGERA



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA

PELAKSANAAN PROGRAM VAKSINASI SEKTOR EKONOMI (MARITIM)

PELABUHAN KLANG – Program vaksinasi COVID-19 khas untuk pelaut-pelaut warganegara Malaysia dan pekerja-pekerja sektor pelabuhan khususnya di sekitar Lembah Klang merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dengan kerjasama Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK). Pelaksanaan program vaksinasi yang bakal bermula pada 25 Jun ini, merupakan simbolik penghargaan kepada khidmat bakti pelaut sempena sambutan Hari Pelaut Sedunia 2021.

23 JUN 2021

30 JUN 2021



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA

PELAKSANAAN PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN KAUNTER BAGI PEJABAT KERAJAAN DALAM FASA PERTAMA PELAN PEMULIHAN NEGARA JABATAN LAUT MALAYSIA

PELABUHAN KLANG – Selaras dengan kenyataan Ketua Setiausaha Negara pada 29 Jun 2021 tentang **Pengoperasian Perkhidmatan Kaunter Bagi Pejabat Kerajaan Dalam Fasa Pertama Pelan Pemulihan Negara**, semua kaunter Jabatan Laut Malaysia (JLM) yang berorientasikan operasi akan dibuka seperti biasa dengan kapasiti petugas kaunter tidak melebihi 50% kecuali kaunter Ibu Pejabat Laut (IPL) di Pelabuhan Klang.

Urusan operasi kaunter yang terlibat adalah merangkumi perkhidmatan yang tidak dilaksanakan secara dalam talian adalah seperti berikut:

Wahai Anakku...

SIRI 1

JUN
2021

PESAN - PESAN KEBAIKAN

1

Wahai anakku...
Awal dari KEBAIKAN itu bukanlah tentang KEIKHLASAN, tetapi memaksakan diri dalam berbuat kebaikan. Apabila dirimu selalu memaksakan diri dalam berbuat baik, dalam perjalanan kebaikan itu, Tuhan akan mengajarkanmu tentang KEIKHLASAN.

2

Wahai anakku...
KEBAIKAN yang engkau lakukan itu hakikatnya bukanlah untuk orang lain, tetapi adalah untuk dirimu sendiri. Perhatikan ayat ini, "Jika kamu berbuat baik (bererti) kamu berbuat baik bagi dirimu sendiri (Al-Isra : 7). Dari ayat ini kini engkau tahu yang setiap kebaikan yang engkau lakukan itu tidak ada yang sia-sia.

3

Wahai anakku...
Tidak ada KEBAIKAN yang kecil di sisi Tuhan, oleh sebab itu jangan abaikan kebaikan-kebaikan yang engkau anggap kecil. Kerana engkau tidak akan pernah tahu kebaikan yang mana satu yang akan membuatkan Tuhan jatuh sayang kepadamu.

Siri pesanan dari ayah kepada anaknya, juga pesanan buat dirinya...

Tulisan & Rekabentuk : En. Hasbuddin Abdullah.
Bahagian/Wilayah : BPTBP, Jabatan Laut Malaysia, W.P Labuan.
Sumber Gambar : Koleksi Peribadi, Tepi Laut di W.P Labuan.
Tarikh : 22hb Jun 2021.

self:::
reminder

Kenapa Manusia Sering Risau Berkaitan Soal Rezeki?

Manusia di dalam hidup mereka akan ada kerisauan tertentu. Dan kerisauan yang paling menghantui mereka adalah berkaitan rezeki.

Apabila kita tersedar dari tidur apa yang kita fikirkan?

Ya rezeki. Apabila kita berbual dengan orang sekeliling kita maka tajuk yang banyak mengambil tempat dalam perbualan tersebut adalah berkaitan rezeki.

"Hang kerja di mana?"

"Tender projek kat sana baik harganya."

"Tengah hari ni nak makan apa?"

... dan pelbagai lagi tajuk perbualan yang mana ia sebenarnya menunjukkan kerisauan kita terhadap rezeki.

Jika kita menilai kembali dalam hal ini maka kita dapati ia memberi kesan yang sangat besar dalam kehidupan insan.

Malapetaka Yang Menimpa Jiwa-Jiwa Manusia

Daripada seorang ayah yang merancang pelajaran anaknya kepada orang jalanan di tengah bandaraya.

Mereka ini dalam setiap langkah kehidupan mereka, perkara utama yang diambil kira dalam setiap perancangan itu mesti berkaitan dengan masalah mencari rezeki.

Seorang ayah yang menghantar anaknya ke universiti untuk apa? Supaya anaknya menjadi orang yang berkedudukan tinggi dan memperolehi rezeki yang banyak.

Seorang gelandangan pergi ke seluruh pelusuk bandar untuk mencari apa? Rezeki. Dan kita dapat melihat solat sunat dhuha yang paling popular dalam kalangan kita kerana ia berkaitan dengan rezeki. Bukannya salah tetapi itulah hakikatnya.

Bahkan jika kita melihat masyarakat yang percaya akan tok bomoh, tok pawang, pelaris, tangkal dan lain-lain lagi semuanya berkaitan dengan rezeki.

Hinggakan mereka sanggup melakukan perkara khurafat demi menjamin rezeki mereka.

Hakikatnya, perihal rezeki telah mengubah manusia dalam banyak perkara, perbuatannya, percakapan, malah ia boleh mengubah akidah mereka.

Hatta jika kita melihat pada akhir zaman ketika mana dajjal mendatangi manusia, ketika itu dajjal mengumpan manusia dengan perihal rezeki untuk menyesatkan manusia yang tidak percaya bahawasanya hal rezeki itu adalah urusan Allah SWT.

Daripada Abi Umamah Al-Bahiliy apabila menceritakan khutbah Rasulullah SAW tentang dajjal, antaranya:

"Dajjal itu datang ke tempat orang-orang yang percaya kepadanya dan penduduk kampung itu mengakuinya sebagai Tuhan. Disebabkan yang demikian hujan turun di tempat mereka dan tanam-tanaman mereka pun menjadi."

Dan ini merupakan malapetaka yang besar yang menghantui jiwa-jiwa manusia.

lihat sambungan di muka surat seterusnya..

sambungan.....

Rezeki itu Di Dalamnya Ada Jaminan Allah SWT

Sesungguhnya penciptaan manusia di dunia ini ada misi dan matlamatnya. Ada perkara yang perlu dilunaskan oleh mereka.

Sesungguhnya misi utama manusia diciptakan di dunia ini adalah sebagai hamba yang tidak lain hanyalah beribadat kepada Allah SWT seperti mana firmanNya dalam Surah Az-Zariyat 56:

"Tidaklah Aku jadikan jin dan manusia kecuali agar mereka beribadah kepada-Ku." Dan hendaklah kita tahu bahawasanya kita sebagai muslim mempunyai wasiat agung yang perlu dilaksanakan, wasiat yang mana dikongsi bersama semua para Rasul yang diutuskan kepada kita, manusia. Wasiat itu adalah:

"Tegakkanlah agama dan janganlah berpecah belah dalamnya..." (Surah asy-Syura: 13)

Malangnya dek kerana kerisauan mereka terhadap rezeki, mereka mula memalingkan matlamat utama mereka daripada menjadi hamba Allah SWT kepada hamba yang bermatlamat kepada kekayaan dunia yakni berkaitan rezeki. Walhal mereka lupa bahawasanya rezeki itu telah ditetapkan oleh Allah SWT sebelum mereka diciptakan lagi. Dan Allah SWT menyatakan jikalau hambanya itu bertakwa kepadaNya, maka Allah SWT akan mencukupkan rezekinya.

"Barangsiapa yang bertakwa kepada Allah, maka Allah akan menunjukkan kepadanya jalan keluar dari kesusahan, dan diberikanNya rezeki dari jalan yang tidak disangka-sangka, dan barangsiapa yang bertawakal kepada Allah, nescaya Allah mencukupkan keperluannya (rezekinya)." (Surah At-Talaq ayat 2-3)

Lihat sejarah khalifah yang agung dalam sejarah umat Islam, Umar Bin Abdul Aziz ketika beliau di penghujung usianya, orang-orang bertanya kepada beliau: Apa yang engkau tinggalkan untuk anak-anakmu?!"

Umar bin 'Abdul Aziz pun menjawab:

"Aku meninggalkan untuk mereka ketakwaan kepada Allah... Jika mereka adalah orang-orang yang soleh, maka sesungguhnya Allah adalah wali (pelindung) bagi orang-orang yang soleh... Jika mereka bukan orang yang soleh, maka tidak akan aku tinggalkan sedikitpun yang membantu mereka bermaksiat kepada Allah..."

Apabila kerajaan Umaiyyah jatuh, semua anak Umar Bin Abdul Aziz menjadi kaya raya tetapi sebaliknya yang berlaku kepada anak khalifah Umaiyyah yang lain walhal mereka mewarisi harta kekayaan yang banyak.

Lihat bagaimana Allah SWT memelihara rezeki orang yang soleh. - TAMAT -

Perkongsian

Muhammad Zulhafeez

30 Jun 2021

Kuala Lumpur



RESEPI BELANGKAS MASAK LEMAK CILI PADI

Bahan-bahan:-

- 1 ekor belangkas
- 1 biji kelapa parut – ambil dua mangkuk santan
- 2 biji tomato – dipotong empat
- 1 tangkai cili hijau – dibelah dua
- 1 tangkai cili merah – dibelah dua
- 10 tangkai cili api – ditumbuk
- 2 cm kunyit hidup – ditumbuk
- 1 camt biji ketumbar – ditumbuk
- 1/2 camt jintan halus – ditumbuk
- 1/2 camt jintan kasar – ditumbuk
- 2 ulas bawang merah – ditumbuk
- Secukupnya garam dan serbuk perasa
- Daun kunyit

Cara Penyediaan

1. Siang belangkas dan bersihkan.
2. Campurkan bahan tumbuk ke dalam santan.
3. Jerang diatas api yang perlahan dan kacau supaya santan tidak pecah.
4. Masukkan belangkas, tomato, cili hijau, cili merah dan garam.
5. Bila santan sudah mendidih, masukkan daun kunyit. Padamkan api.
6. Sedia untuk dihidang

SIAPPP!!!



SELAMAT MENCUBA!